

11/05/1997

Suleiman terharu dipilih ketua Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR: Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Mohamed, terharu dengan pelantikannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Katanya, kepercayaan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, amat dihargai dan beliau berazam untuk mempamerkan keupayaan terhadap kepercayaan yang diberikan itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan cek pampasan kepada penduduk Kampung Baharu Seberang (kampung setinggan) yang terbabit dengan kawasan projek KL Linear City di sini, semalam.

Difahamkan inilah kali pertama seorang ketua bahagian Umno dalam Wilayah Persekutuan dilantik memegang jawatan itu sejak 1972. Sebelum ini jawatan itu disandang bekas Timbalan Presiden Umno, Tun Ghafar Baba dan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhamad Taib.

Dr Mahathir mengumumkan pelantikan Suleiman selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno semalam.

(END)